

# INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI 28

ISSN 1823-6421

# TERBITAN EDISI 28: JAN - JUN 2023

## **PENAUNG**

DR ROSMAN MAHMOOD

## **CHIEF EDITOR / KETUA EDITOR**

PUAN NIK FAZLIN HIRYATI NIK JAAFAR

## **MANAGING EDITOR / EDITOR URUSAN**

CIK NOORMALINJASARI ALI

## **EDITOR**

PUAN SUZILA SALLEH  
PUAN NASIHA ABDULLAH  
PUAN NORHAYATI HUSIN  
PUAN ROSEZIAHAZNI ABD GHANI  
PUAN 'ATIQAHA RASHIDAH ABU SAMAH  
PUAN HASMIDA MOHD NOOR  
PUAN RASLINA MOHAMED NOR  
PUAN SITI FATIMAH MARDIAH HAMZAH  
ENCIK WAN AHMAD KHUSAIRI WAN CHEK

## **DESIGNER / PEREKABENTUK**


ENCIK ABDUL RANI JUSOH  
PUAN NOOR HAFIZA MOHAMMED



## Artikel

MS

Coret-coret Ketua Pengarang .....	1
Catatan Editor Urusan .....	2
Khairul Aming Usahawan Sambal .....	3-4
Malaysia's 2022 Social Media Marketing Trends .....	5
Perancangan Sumber Perusahaan (Enterprise Resource Planning) .....	6-7
Susun Atur Kedai Runcit .....	8
Bamboo Networking Principle among Chinese Entrepreneurs .....	9-10
Usahawan Robotik di Jepun .....	11
Apa Perlunya Logistik Halal pada Usahwan? .....	12-13
Isu-isu Logistik Halal di Malaysia ada Kaitannya pada Usahawann .....	14-15
'Pekerja yang Penting untuk Usahawan ke arah Prestasi Mampan Organisasi .....	16-17
Persekitaran Kerja dan Prestasi Pekerja - Satu kupasan awal untuk para usahawan .....	18-19
Persekitaran Makro dan Mikro untuk Usahawan .....	20
Usahawan dan Pengurusan Konflik .....	21
Pembudayaan Keusahawanan di Kalangan Mahasiswa: Usahawan IceLy, Alumni UiTMT .....	22-24
Dari Desa ke Pentas Dunia .....	25-26
Cetusan Kreativiti dan Inovasi: Resipi Kejayaan Kek Lapis Premium .....	27-28
Digitalisasi dan Usahawan Pelancongan Dalam Pasca Pemulihan Covid 19 .....	29
The SME Sustainability Action Guide: A Six Steps Approach to Sustainability Implementation among SMEs in Malaysia .....	30-31
Green Entrepreneurship: Promoting Sustainable Growth in Malaysia .....	32-33
Cicak atas Pizza! Nak Sue Siapa Ek? .....	34-35
Memahami Kemahiran Kepimpinan Digital yang mesti ada pada Usahawan IKS .....	36-37
Apakah Minda Usahawan Perlu untuk Pastikan Perniagaan Bertahan dan Berkembang? .....	38
Krisis Perubahan Iklim: Cabaran Baru Mendepani Usahawan .....	39
Matlamat Melahirkan Usahawan Berorientasikan Kelestarian .....	40
Kepentingan Pendigitalan kepada Usahawan .....	41
QR Kod dan Perniagaan .....	42
Kejohanan Tenis Bersiri Remaja: Mampu Menjana Duit? .....	43



# Matlamat Melahirkan Usahawan Berorientasikan Kelestarian

Naziatul Aziah Mohd Radzi<sup>1</sup>, Normaizatul Akma Saidi<sup>1</sup>, dan Nur Aliah Mansor<sup>2</sup>

<sup>1</sup>,Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, Pengkalan CHepa, Kelantan.  
Fakulti Perniagaan dan Kewangan, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia

\*Koresponden: aziah.mr@umk.edu.my

Usahawan yang cenderung meletakkan nilai kelestarian dalam aktiviti perniagaan mereka lazimnya mempunyai sikap beretika dan bertanggungjawab. Hal ini kerana mereka menyedari bahawa mereka memiliki peranan untuk memelihara alam sekitar dan meningkatkan kualiti penghidupan masyarakat lain melalui aktiviti ekonomi yang dijalankan.

Justeru, pengoperasian aktiviti perniagaan oleh usahawan ini tentunya berlandaskan kepada prinsip kelestarian yang akan memberi faedah kepada usahawan itu sendiri dan juga kepada pihak yang lain.

Banyak kajian telah membuktikan bahawa kualiti inovatif yang dimiliki oleh pemilik perniagaan melalui orientasi kelestarian dapat memberi sumbangan terhadap kelebihan daya saing dan pengekalannya. Oleh yang demikian, aktiviti perniagaan berorientasikan kelestarian perlu dilaksanakan oleh usahawan.

Usahawan atau pemilik perniagaan perlu sedar bahawa mereka memiliki peranan yang signifikan bagi memastikan keseimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Selain bermatlamatkan kepada keuntungan material, usahawan perlu lebih inovatif dan peka terhadap keperluan dan kepentingan pihak berkepentingan lain agar operasi perniagaan mereka tidak menjejaskan kualiti alam sekitar ataupun mendiskriminasi hak dan kepentingan masyarakat setempat.

Matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan adalah penting sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan boleh meningkatkan daya saing ekonomi ke arah ekonomi yang lebih kompetitif. Namun begitu, aspek penting yang perlu diberi perhatian adalah penerapan nilai kelestarian dalam aktiviti perniagaan usahawan.

Justeru, kerangka bersepadu ataupun garis panduan perlu diperkukuh bagi mendedahkan para usahawan dengan prinsip dan nilai kelestarian yang perlu dipraktikkan dalam aktiviti perniagaan mereka.

Secara tuntasnya, kita perlu melahirkan lebih ramai lagi usahawan yang berorientasikan kelestarian sebagai salah satu usaha untuk mencapai matlamat SDG. Usaha ini berkemungkinan menghadapi kesukaran di peringkat permulaan, namun ia tetap perlu dilaksanakan kerana orientasi kelestarian dalam keusahawanan menjana kepada nilai tambah usahawan, masyarakat dan juga persekitaran yang membawa kepada kesejahteraan penghidupan pada masa kini dan masa hadapan.

\*meruapakan pandangan peribadi para penulis

Dasar Keusahawanan Nasional (2030) bertujuan untuk memberi panduan kepada penyediaan kerangka atau ekosistem yang holistik untuk pembangunan keusahawanan di Malaysia. Kerajaan sangat komited untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan memandangkan peranan usahawan yang memberi sumbangan kepada KDNK negara, memberikan daya saing dalam perindustrian serta penciptaan peluang pekerjaan.

Namun begitu, aspek lain yang perlu diberi perhatian bagi pemerkasaan usahawan adalah orientasi kelestarian di kalangan usahawan. Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada laman sesawang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sehingga Disember 2020 jumlah syarikat yang didaftarkan adalah 43, 976. Sehingga Disember 2019 pula terdapat 1,340,024 syarikat tempatan yang telah didaftarkan.

Jumlah ini menunjukkan bahawa jumlah usahawan berdaftar di negara ini dalam bilangan yang tinggi. Namun begitu, timbul persoalan mengenai jumlah bilangan usahawan yang menerapkan nilai kelestarian sebagai teras utama dalam aktiviti perniagaan mereka yang masih berada dalam bilangan yang kecil.

Pengetahuan, kesedaran dan tindakan berlandaskan kelestarian adalah faktor utama ke arah tingkah laku yang lebih bertanggungjawab di kalangan para usahawan. Prinsip kelestarian yang meliputi keseimbangan alam sekitar, ekonomi dan tadbir urus adalah kriteria utama yang menentukan hala tuju sesebuah perniagaan yang lestari. Usahawan perlu memastikan adakah produk yang dikeluarkan dapat memberi tambah nilai kepada ekonomi dan masyarakat ataupun penghasilan produk itu mengakibatkan kemerosotan kualiti alam sekitar melalui penggunaan sumber tanpa terkawal dan pencemaran.

Keinginan untuk beroperasi dalam ruang lingkup kelestarian dapat melahirkan usahawan sosial yang bermatlamat untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memiliki nilai inovatif bagi penjana ekonomi yang lebih mesra alam sekitar dan mementingkan kehendak kumpulan berkepentingan iaitu masyarakat. Usahawan sosial masih tetap meraih keuntungan, namun pada masa yang sama mereka tidak mengabaikan kepentingan pihak berkepentingan lain iaitu masyarakat dan alam sekitar.